

21 DEC 2002

Mahathir-Soros/I

SABITAN SOROS BUKTIKAN BELIAU PUNCA MASALAH EKONOMI, KATA DR M

Oleh: Wan Nurzila Wan Abdul Rahman

JITRA, 21 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata sabitan pemodal Amerika Syarikat George Soros di sebuah mahkamah Perancis kerana urusniaga dalaman membuktikan bahawa beliau adalah orang yang mengancam ekonomi dunia.

Perdana Menteri yang sebelum ini telah menuduh dana-dana lindung nilai yang dimiliki Soros membuat spekulasi keterlaluan terhadap mata wang serantau termasuk ringgit sehingga mencetuskan krisis kewangan Asia 1997, berkata beliau gembira yang "Soros akhirnya disabitkan kerana perbuatan salahnya."

"Ia menunjukkan bahawa dia tidak begitu beretika," kata Dr Mahathir sebagai mengulas laporan bahawa Soros disabitkan kesalahan mengenai dagangan dalaman oleh sebuah mahkamah di Paris semalam dan dijatuhi hukuman denda 2.2 juta euro (RM8.4 juta).

Soros didapati bersalah menggunakan maklumat dalaman mengenai satu usaha yang tidak berjaya dalam mengambil alih syarikat korporat Societe Generale pada 1988. Beliau didakwa memperolehi AS\$2 juta (RM7.6 juta) daripada saham-saham syarikat itu.

Soros telah menafikan dakwaan itu.

Dr Mahathir, yang bercakap kepada pemberita selepas pembukaan Dewan Wawasan baru di Jitra diikuti dengan rumah terbuka Hari Raya berkata:

"Bila dia (Soros) kata yang sayalah pengancam kepada negara saya sendiri, sebenarnya dialah pengancam ekonomi dunia."

"Saya gembira mendengarnya (sabitan)," kata Dr Mahathir.

Dilahirkan di Hungary, Soros, 72, dipersalahkan kerana spekulasi melampau terhadap matawang serantau pada Julai 1997 yang mencetuskan krisis ekonomi dan kemelesetan dengan sesetengah ekonomi belum lagi pulih sepenuhnya daripadanya.

Krisis mata wang itu meletus pada Julai 1997 bermula dengan spekulasi terhadap baht Thai.

Sungguhpun asas-asas ekonomi Asia adalah kukuh, ringgit dan matawang serantau lain juga terjejas akibat spekulasi yang sengit.

Pada satu ketika pada 1998, matawang Malaysia itu susut nilai kepada serendah RM5.20 berbanding dolar daripada setinggi RM2.42 sebelum krisis itu.

Untuk melandas ekonominya, Malaysia mengenakan kawalan modal di luar kebiasaan pada Sept 1998 termasuk menambat ringgit pada RM3.80 bagi setiap dolar Amerika.

Ini memberikan ikatan kestabilan yang penting dan melindungi mata wang dan ekonomi terhadap serangan spekulatif oleh dana-dana lindung nilai dan spekulator-spekulator tidak bertanggungjawab.

IMF, yang pada permulaannya mengutuk tambatan itu apabila ia diperkenalkan, kini mengiktiraf tambatan itu sebagai peneraju kestabilan yang selaras dengan asas-asas ekonomi.

Sungguhpun demikian, satu laporan IMF baru-baru ini menyarankan supaya Malaysia melepaskan tambatan ringgit secara beransur-ansur.

Dr Mahathir telah menolak saranan IMF itu, sambil menyatakan bahawa Malaysia harus menentukan kadar tukaran wangnya sendiri di sebalik mengapungkan dan membenarkannya diserang sekali lagi oleh spekulator.

Perdana Menteri telah berkata bahawa tiada jaminan yang ringgit tidak akan diserang sekali lagi dan itulah sebab kenapa beliau telah menggesa diadakan usaha-usaha untuk membendung spekulator tukaran wang asing.

Ke arah matlamat itu, Malaysia sentiasa menggesa IMF merangka satu Kerangka Kewangan Antarabangsa baru yang akan menyekat dana-dana lindung nilai spekulatif yang tidak bertanggungjawab.

Tiada kejayaan besar dibuat ke arah itu disebabkan bangkangan daripada ekonomi-ekonomi maju.

Di samping itu, Malaysia telah menyatakan bahawa nilai ringgit terpaksa susut nilai atau naik nilai sebanyak 20 peratus untuk tempoh yang berkekalan sebelum kerajaan menimbangkan untuk menukarnya, tetapi itu tidak bermakna ia akan melepaskan tambatan mata wang itu.

-- BERNAMA

WNZ MR OS PR